

## SIAPAKAH AHLI-AHLI APN?

Sehingga kini APN dianggotai oleh 21 negara:

Australia	Japan	Filipina
Bangladesh	Laos	Korea
Kemboja	Malaysia	Rusia
China	Mongolia	Sri Lanka
Fiji	Nepal	Thailand
India	New Zealand	USA
Indonesia	Pakistan	Vietnam


\* Individu-individu dan organisasi- organisasi dari negara-negara Kepulauan Pasifik dan Singapura boleh menyertai semua program APN dan dianggap sebagai ahli dari negara anggota APN yang sah di bawah kriteria program penyertaan ahli.

## BAGAIMANA APN DISTRUKTURKAN?

Struktur APN didirikan berdasar kepada mesyuarat tahunan bersama penggubal polisi (*Inter-Governmental Meeting, IGM*) dan para saintis (*Scientific Planning Group, SPG*) IGM adalah badan utama yang membuat keputusan dan meluluskan program kerja APN serta belanjawan tahunan, termasuk program-program penyelidikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan yang akan dibiayai berdasarkan kepada syor-syor SPG. Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) dan Urusetia APN membantu IGM dan SPG. APN membiayai program-program penyelidikan berdasarkan permohonan terbuka tahunan bagi cadangan-cadangan di bawah program-program penyelidikan serantau dan pembangunan kapasiti (ARCP dan CAPaBLE).

APN dapat membantu aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan kapasiti yang terkandung dalam bidang keutamaannya. Pada tahun 2006/2007, APN membiayai 33 projek; 3 Projek Penyelidikan Komprehensif, 15 Projek Pembangunan Kapasiti dan 15 projek daripada Proses Penerimaan Cadangan Serantau Tahunan (ARCP).

### Projek-projek yang dibiayai oleh APN



Penganjur-penganjur di atas membiayai secara langsung aktiviti APN. Ahli-ahli APN menyokong aktiviti APN secara "in-kind" seperti menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tahunan, bengkel dan seminar; dan pengurusan kepakaran saintifik dan pengurusan.

## BAGAIMANA MENGHUBUNGI APN?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan aktiviti-aktiviti APN, sila hubungi Urusetia APN:

APN Secretariat  
IHD Centre Building, 5th Floor  
1-5-1 Wakinohama Kaigan Dori  
Chuo-Ku, Kobe 651-0073, JAPAN

Tel: +81-78-230-8017  
Faks: +81-78-230-8018

E-mel: [info@apn-gcr.org](mailto:info@apn-gcr.org)  
Laman Web : [www.apn-gcr.org](http://www.apn-gcr.org)

*Diterbitkan pada 2007*

# APN

Asia-Pacific Network for Global Change Research

## Rangkaian Asia-Pasifik bagi Penyelidikan Perubahan Global

## APAKAH APN DAN KEPENTINGANNYA?

Perubahan di dalam sistem bumi sedang mempengaruhi masyarakat dan ekonomi negara-negara di rantau

Asia-Pasifik yang mewakili lebih daripada separuh populasi dunia. Di atas dasar tersebut, Rangkaian Asia-Pasifik Bagi Penyelidikan Perubahan Global (APN) telah ditubuhkan pada tahun 1996 sebagai suatu rangkaian antara kerajaan di Asia-Pasifik

untuk menjalin penyelidikan perubahan global serantau, meningkatkan penglibatan negara membangun dalam penyelidikan tersebut, dan mengukuhkan interaksi antara komuniti sains dan pen antara komuniti sains dan penggubal dasar. APN mendefinisikan **penyelidikan perubahan global** sebagai 'penyelidikan berasaskan perubahan global (gabungan alam semulajadi dan manusia menyuntik perubahan terhadap sistem fizikal dan biologi yang jika digabungkan adalah ketara pada skala global) dan imeknnya terhadap pembangunan mapan di rantau Asia-Pasifik.

## APAKAH VISI APN?

Kajian terbaru dan pemerhatian sokongan telah memberi pemaaman baru terhadap perubahan-perubahan tersebut dan imeknnya namun pada masa yang sama telah berjaya menimbulkan beberapa isu-isu saintifik yang baru dan mencabar.

APN berusaha untuk mengenal pasti isu-isu yang timbul dan mengetengahkannya serta menggalakkan penyelidikan bersama secara serantau untuk menanganinya. Dalam usaha ini, APN memastikan bahawa hasil daripada penyelidikan ini menyumbang kepada pembangunan asas-asas saintifik bagi menggubal polisi dan keputusan berkaitan dengan isu-isu yang mana perubahan global adalah faktor yang penting.

APN telah berusaha gigih untuk membolehkan negara-negara membangun di rantau ini melibatkan diri secara langsung dan mendapat faedah daripada penyelidikan bersama yang dijalankan.

Akhir sekali, mengiktirafkan peranan interaktif dalam proses serantau terhadap keseluruhan sistem Bumi, APN juga berusaha untuk menjalinkan hubungan antara penyelidikan yang di anjurkan dengan penyelidikan yang dijalankan di rantau-rantau lain dan dijalankan dibawah naungan program-program skala global.

## APAKAH MATLAMAT-MATLAMAT APN?

Untuk mencapai objektifnya, APN telah mengenalpasti lima matlamat seperti berikut:

**MATLAMAT 1:** Menyokong kerjasama serantau dalam penyelidikan perubahan global terutamanya dalam isu-isu yang relevan untuk rantau ini.

**MATLAMAT 2:** Mengukuhkan interaksi antara saintis dan penggubal dasar, dan membekalkan maklumat saintifik dalam membuat keputusan dasar serta menyalurkan pengetahuan kepada orang awam.


**MATLAMAT 3:** Meningkatkan keupayaan saintifik dan teknikal negara-negara rantau ini.

**MATLAMAT 4:** Bekerjasama dengan rangkaian perubahan global dan organisasi yang lain.

**MATLAMAT 5:** Membantu pembangunan infrastruktur penyelidikan dan pemindahan pengetahuan dan teknologi.

## APAKAH AGENDA SAINTIFIK APN?

APN membolehkan aktiviti-aktiviti yang menjanakan dan memindahkan pengetahuan tentang perubahan dimensi fizikal dan manusia dalam sistem bumi dengan fokus utama dalam:



1. Iklim
2. Ekosistem, biodiversiti dan kegunaan tanah
3. Perubahan dalam lapangan atmosfera, terrestrial dan marin
4. Kegunaan sumber (seperti makanan, air, tenaga, bahan) dan hala tuju untuk pembangunan mapan
5. Isu-isu rentasan dan jalinan antara polisi dan sains

## APAKAH PROGRAM-PROGRAM APN?

APN menyokong aktiviti-aktiviti dalam lingkungan perubahan global yang berkait-rapat dengan bidang tematik APN menerusi:

### Program ARCP

Sebagai sebahagian daripada program aktiviti, APN mengiklankan *Annual Regional Calls for Proposals (ARCP)*. Keutamaan bidang ialah: sintesis dan analisa penyelidikan sedia ada; penyelidikan baru yang memfokuskan perbezaan jurang pengetahuan dalam bidang-bidang kritikal; perancangan penyelidikan / skop aktiviti; dan juga pembangunan produk-produk polisi seperti penilaian bersepadu, penilaian kesan, model iklim dan lain-lain.

### Program CAPaBLE

Program ini meningkatkan kapasiti saintifik negara-negara membangun bagi memperbaiki proses membuat keputusan dalam bidang berkaitan perubahan global dan pembangunan mapan. Penekanan telah diberi kepada: Pembangunan kapasiti saintifik untuk pembangunan mapan; hubungan sains dengan polisi, aktiviti meningkatkan kesedaran dan penyebaran maklumat.